



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

**(SIRI 5/2020) AKAD NIKAH MELALUI APLIKASI “VIDEO CONFERENCE”
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Merujuk keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 telah berbincang mengenai **Hukum Akad Nikah Menerusi Aplikasi Sidang Video (*Video Conference*)** maka, Jabatan Mufti Negeri Kedah memutuskan pelaksanaan akad nikah melalui kaedah tersebut dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah seperti berikut:

1. **Akad nikah melalui aplikasi Sidang Video (*Video Conference*)** adalah **SAH** mengikut hukum Syarak dengan memenuhi syarat-syarat yang berikut:
 - i. Akad nikah melalui kaedah tersebut hendaklah dilakukan dalam **satu majlis** (اتحاد المجلس) supaya semua pihak iaitu pengantin lelaki, pengantin perempuan, wali dan dua orang saksi dilibatkan secara langsung semasa pelaksanaan **ijab dan qabul**.
 - ii. Majlis tersebut **hendaklah** berlangsung sehingga sampai kepada tahap **“al-yakin”** (اليقين) bukan **“al-zhan”** (الظن).
 - iii. Tidak ada unsur **penipuan** (الغرر) dan sebarang keraguan.
 - iv. Semua rukun dan syarat-syarat sah nikah **hendaklah mengikut hukum Syarak**.
 - v. Disarankan wali pengantin perempuan yang mengakad-nikahkan pasangan.

- vi. Jika terputus talian sidang video / siaran tersebut dalam **tempoh masa yang lama (gap)** antara صيغة (ijab dan qabul) maka **akad nikah tersebut hendaklah diulang semula.**
 - vii. Terdapat halangan untuk melakukan akad nikah di tempat yang ditentukan kerana berjauhan seperti berada di luar negara dan sukar bagi kedua-dua belah pihak berada dalam satu majlis yang sama disebabkan sakit, banjir dan sebagainya.
 - viii. Tertakluk kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 atau apa-apa undang-undang atau peraturan yang sedang berkuat kuasa.
2. Justeru, Jabatan Mufti Negeri Kedah menasihati semua pihak yang terlibat dalam isu ini agar dapat mematuhi arahan PKP yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia bagi menangani penularan wabak COVID-19 semasa melaksanakan akad nikah menerusi Aplikasi Sidang Video (*Video Conference*).

TARIKH KEPUTUSAN : 19 APRIL 2020